



## JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK

### **KENYATAAN MEDIA (03 OKTOBER 2020)**

#### **1. LAPORAN HARIAN**

Hari ini **tiga (3) kes** positif COVID-19 dikesan di Sarawak. Daripada kes tersebut, dua (2) kes didaftarkan di Sibu dan satu (1) kes di Kuching. Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes positif COVID-19 di Sarawak **meningkat sebanyak 716 kes.**

#### **A. Kes COVID-19 Baharu Yang diKesan (3 Kes Import B)**

##### **i) Kes Ke-714**

Kes merupakan seorang anggota keselamatan yang baru balik bercuti di Tawau, Sabah. Kes yang bertugas di Kapit telah pulang ke daerah asal beliau di Tawau, Sabah pada 17 September 2020 dan berada di Sabah sehingga 30 September 2020.

Pada 29 September 2020, kes telah melakukan perjalanan menggunakan kapal terbang dari Lapangan Terbang Tawau ke Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu (KKIA) dan bermalam semalam di Kota Kinabalu, Sabah.

Kes kemudian meneruskan perjalanan dari Kota Kinabalu, Sabah ke Kuching pada 30 September 2020. Kes telah melakukan persinggahan di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching (KIA) sebelum meneruskan perjalanan ke Sibu pada petang hari yang sama. Kes ini telah diberikan arahan kuarantin 14 hari di rumah.

Semasa singgah di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching, kes telah menjalani saringan swab COVID-19 dan ujian rT-PCR beliau telah didapati positif dengan jangkitan COVID-19 pada 2 Oktober 2020. Kes juga pernah menjalani ujian COVID-19 di sebuah klinik swasta di Tawau, Sabah pada 28 September 2020 tetapi keputusan ujian beliau adalah negatif.

Kes ini tidak menunjukkan sebarang tanda dan gejala jangkitan COVID-19. Kes telah dimasukkan ke Hospital Sibu pada tarikh keputusan beliau diperolehi dan kes ini dikategorikan sebagai kes yang mendapat jangkitan dari daerah yang berisiko tinggi di Sabah. Pengesahan kontak rapat kes ini sedang giat dilakukan.

**ii) Kes Ke-715**

Kes merupakan seorang guru warganegara tempatan yang bertugas di sebuah sekolah di Tambunan, Sabah. Kes telah balik ke Sibu, Sarawak kerana bercuti pada 30 September 2020. Kes telah melakukan penerbangan dari Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu, Sabah melalui persinggahan di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching dan seterusnya ke Sibu pada hari yang

sama. Kali terakhir kes balik bercuti ke Sibu, Sarawak ialah pada bulan Jun 2020.

Semasa singgah di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching, kes telah menjalani saringan swab COVID-19 dan ujian rT-PCR beliau telah didapati positif dengan jangkitan COVID-19 pada 2 Oktober 2020. Kes juga pernah menjalani ujian COVID-19 di sebuah Klinik Kesihatan Kerajaan di Luyang, Sabah pada 27 September 2020 tetapi keputusan ujian beliau adalah negatif.

Kes ini juga tidak menunjukkan sebarang tanda dan gejala jangkitan COVID-19. Kes telah dimasukkan ke Hospital Sibu pada tarikh keputusan beliau diperolehi dan kes ini dikategorikan sebagai kes yang mendapat jangkitan dari daerah yang berisiko tinggi di Sabah. Pengesahan kontak rapat kes ini sedang giat dilakukan.

**iii) Kes Ke-716**

Kes ini merupakan seorang lelaki tempatan yang bekerja di pelantar minyak kendalian sebuah syarikat petroleum di Kota Kinabalu Sabah. Kes telah *signed off* dari pelantar pada 29 September 2020. Setibanya di darat, kes bersama krew yang lain telah ditempatkan di sebuah hotel dan telah menjalani saringan COVID-19 di sebuah pusat perubatan swasta di Jesselton, Sabah pada hari sama. Keputusan kes dan krew yang lain dikatakan telah negatif.

Pada 30 September 2020, kes telah balik ke Kuching Sarawak menggunakan penerbangan dari Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu ke Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching (KIA), Kuching.

Setiba di lapangan terbang Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching, kes telah menjalani swab saringan COVID-19 dan diberikan arahan kuarantin 14 hari di rumah. Keputusan saringan ujian rT-PCR kes telah didapati positif pada 02 September 2020 dan kes dirujuk ke Hospital Umum Sarawak untuk rawatan lanjut.

Kes ini juga tidak menunjukkan sebarang tanda dan gejala jangkitan COVID-19. Kes telah dikategorikan sebagai kes yang mendapat jangkitan dari daerah yang berisiko tinggi di Sabah. Pengesahan kontak rapat kes ini sedang giat dilakukan.

#### **B. Kluster COVID-19 Yang Masih Aktif.**

Hari ini, tiada kluster yang aktif di Sarawak.

#### **C. Status Kes COVID-19 di dalam Wad Pengasingan Hospital.**

Dimaklumkan bahawa **tiada kes baru** yang telah pulih dan dibenarkan discaj dari hospital pada hari ini. Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes positif COVID-19 yang telah pulih dan dibenarkan discaj setakat hari ini **kekal seramai 682** orang atau **95.25%** dari jumlah keseluruhan kes COVID-19 di Sarawak.

Jumlah kes yang masih mendapat rawatan dan diasingkan di hospital telah **bertambah seramai tiga (3) orang**. Ini menjadikan keseluruhan jumlah kes yang masih mendapat rawatan dan diasingkan di hospital adalah seramai **lima belas (15)** orang iaitu tujuh (7) kes di wad pengasingan di Hospital Umum Sarawak, lima (5) kes di Hospital Miri, dua (2) orang di Hospital Sibu dan satu (1) kes Hospital Bintulu.

**Tiada kes** COVID-19 yang menerima rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU) pada hari ini. **Tiada** kes kematian baharu dilaporkan pada hari ini. Ini menjadikan jumlah kematian **kekal seramai 19 orang atau 2.65%**.

Hari ini **enam (6) PUI** baru telah dilaporkan dan **tiga (3) PUI** yang masih menunggu keputusan ujian makmal.

#### **D. Ringkasan Kes Mengikut Daerah Di Sarawak.**

Hari ini, Daerah Kuching dan Daerah Lawas **kekal berstatus Kuning** dengan Daerah Lawas masih terdapat tiga (3) kes jangkitan tempatan dan Daerah Kuching dengan satu (1) kes jangkitan tempatan dilaporkan dalam tempoh 14 hari yang lepas. Ini menjadikan jumlah daerah yang berstatus Kuning adalah kekal dua (2) daerah dan 38 buah daerah yang lain di Sarawak kekal berada dalam status Hijau.

## **E. Ringkasan Kes Positif COVID-19 di Pa' Dalih, Bario, Marudi.**

Pada 02 September 2020, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak telah dimaklumkan oleh Pejabat Kesihatan Daerah Sepang, Selangor bahawa terdapat seorang rakyat Sarawak yang berasal dari Miri, Sarawak telah dikesan positif jangkitan COVID-19.

Kes ini telah menjalani saringan rT-PCR COVID-19 di sebuah hospital swasta di Selangor sebelum kembali bertugas di sebuah syarikat minyak dan gas di Iraq pada 30 September 2020 dan keputusan beliau pada 01 Oktober didapati positif jangkitan COVID-19. Beliau telah dimasukkan ke Hospital Sungai Buloh, Selangor untuk rawatan lanjut pada hari yang sama. Kes juga dilaporkan tidak menunjukkan sebarang tanda dan gejala jangkitan COVID-19.

Siasatan lanjut menunjukkan bahawa kes ini berada telah berada di Permyjaya, Miri sebelum bertolak ke Kuala Lumpur pada 29 September 2020. Beliau juga pernah melawat keluarga beliau di Pa' Dalih, Bario, Marudi dalam tempoh 14 hari yang lepas sebelum dikesan positif ujian rT-PCR pada 30 September 2020.

Kali terakhir kes ini balik dari Iraq ialah pada 27 Julai 2020 dan tiba di Miri pada 10 Ogos 2020 setelah selesai menjalani kuarantin 14 hari di Kuala Lumpur. Semasa dalam tempoh kuarantin, kes telah menjalani saringan COVID-19 dan ujian rT-PCR kes pada 26 Julai 2020 dan 05 Ogos 2020 adalah negatif untuk COVIDF-19.

Siasatan lanjut dan pengesahan kontak telah dilakukan oleh Pejabat Kesihatan Bahagian Miri sebaik saja menerima notifikasi berkaitan kes ini dari PKD Sepang, Selangor. Pengesahan kes ini melibatkan semua kontak rapat dalam kalangan keluarga kes, kontak social dan juga kontak-kontak rakan sekerja.

Sehingga hari ini, seramai lapan (8) orang kontak telah dikesan di sekitar bandaraya Miri dan pengesahan kontak di Pa' Dalih, Bario sedang dilakukan dengan bantuan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Sarawak melalui penggunaan helikopter untuk aktiviti saringan kontak di Pa' Dalih, Bario. Anggaran kontak rapat di Pa'Dalih, Bario ialah seramai tujuh belas (17) orang.

Berdasarkan penilaian risiko ke atas semua penduduk di Pa' Dalih, pasukan kesihatan akan mengambil sampel untuk COVID-19 kepada semua penduduk yang berisiko. Semua keputusan untuk kontak yang telah disaring adalah masih menunggu keputusan ujian makmal. Punca jangkitan kes ini masih dalam siasatan.

## **2. LAPORAN NOTIS AMARAN / KOMPAUN / SITAAN**

Pihak PDRM telah mengeluarkan **11 notis** kompaun di Kuching (7), Miri (1), Kota Samarahan (1), Betong (1) dan Sarikei (1) kerana tidak mematuhi Garis panduan (SOP).

Manakala pihak Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sarawak telah mengeluarkan **125 amaran lisan, bertulis dan sitaan** di kawasan seliaan BDA (43), SMC (35), DBKU (24), MD Marudi (16), MDMJ (3), MD Serian (2), MD Sarikei (1) dan MB Miri (1).

### **3. PEMANTAUAN PEMATUHAN PKPP (01 SEPTEMBER HINGGA 31 DISEMBER 2020)**

PDRM akan terus memperketatkan Garis Panduan (SOP) termasuk pemakaian pelitup topeng muka di tempat awam. Hari ini sebanyak **1,570 premis** telah dipantau iaitu Pasaraya (202), Restoran (285), Kilang (39), Bank (119), Pejabat Kerajaan (55), Penjaja (42), Pasar Tani/Awam (65), Tempat Ibadah (84), Tempat Riadah (38), Tapak Pembinaan (13) dan lain-lain (628).

Seramai **532 anggota** pematuhan PKPP yang terdiri daripada PDRM (267), ATM (36), RELA (112), APM (84), PBT (30) dan lain-lain agensi (3).

### **4. SEKATAN JALAN RAYA OP BENTENG**

Hari ini terdapat **6 sekatan jalan raya** di 5 buah daerah bersempena dengan Op Benteng iaitu di Lundu (2), Bau (1), Serian (1), Sri Aman (1) dan Lubok Antu (1). Daripada 6 sekatan jalan raya tersebut, sebanyak **727** jumlah kenderaan telah diperiksa.

**Stay Vigilant, Stay Safe, Stay Healthy, Save Lives  
Jaga Sarawak Intu Sarawak**

**SEKRETARIAT  
JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK  
03 OKTOBER 2020  
4.00 PETANG**

## MAKLUMAT TAMBAHAN

### 1. LAPORAN JABATAN KESIHATAN NEGERI SARAWAK

Kes Terdahulu	713	Kes sedang dirawat di hospital	15	2.09%
Kes Baharu	3	Kes di <i>Intensive Care Unit (ICU)</i>	0	0.00%
Jumlah Individu Disampel	115,414	Kes yang memerlukan bantuan pernafasan ( <i>intubated</i> )	0	0.00%
Kes Positif Keseluruhan	716	Jumlah kes kematian	19	2.65%
IR per 100,000 penduduk	23.21	Kes telah sembuh dan discaj	682	95.25%
Keputusan Makmal (PUI)	Baru	<i>Patient Under Investigation (PUI)</i>	Baru	Kumulatif
Negatif	0		6	
Menunggu keputusan	3		9,760	

Status Semasa		SGH Kuching	Hospital Sibu	Hospital Bintulu	Hospital Miri	Hospital Sungai Buloh	JUMLAH
Kes sedang dirawat di hospital		7	2	1	5	0	15
Kes di <i>Intensive Care Unit (ICU)</i>		0	0	0	0	0	0
Kes yang memerlukan bantuan pernafasan ( <i>Intubated</i> )		0	0	0	0	0	0
Jumlah kes kematian		17	0	0	2	0	19
Kes telah sembuh dan discaj	Baru	0	0	0	0	0	0
	Kumulatif	575	35	38	32	2	682
Jumlah Kumulatif kemasukan semula ke hospital ( <i>Re-tested Positive</i> )		9	9	3	1	0	22

DAERAH KUNING (2)												
No.	Daerah	Patient Under Investigation		Kes COVID-19		Kes Discaj		Kematian		Jumlah kes yang masih dalam rawatan (Kes Aktif)	Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari	Jumlah kes tempatan yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari
		Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.			
1	Lawas	0	17	0	4	0	1	0	0	3	3	3
2	Kuching	2	6,473	1	436	0	417	0	12	7	7	1
Jumlah		2	6490	1	440	0	418	0	12	10	10	4

Sumber: CPRC, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak

DAERAH HIJAU (38)												
No.	Daerah	Patient Under Investigation		Kes COVID-19		Kes Discraj		Kematian		Jumlah kes yang masih dalam rawatan (Kes Aktif)	Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari	Jumlah kes tempatan yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari
		Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.			
1	Serian	0	310	0	24	0	24	0	0	0	0	0
2	Bintulu	2	292	0	39	0	38	0	0	1	1	0
3	Lundu	0	247	0	3	0	3	0	0	0	0	0
4	Bau	0	176	0	6	0	6	0	0	0	0	0
5	Samarahan	0	566	0	112	0	108	0	4	0	0	0
6	Sibu	2	112	2	13	0	11	0	0	2	2	0
7	Simunjan	0	61	0	8	0	8	0	0	0	0	0
8	Tanjung Manis	0	23	0	1	0	1	0	0	0	0	0
9	Tebedu	0	6	0	3	0	3	0	0	0	0	0
10	Limbang	0	31	0	9	0	8	0	1	0	0	0
11	Miri	0	836	0	26	0	23	0	1	2	2	0
12	Asajaya	0	43	0	5	0	5	0	0	0	0	0
13	Sri Aman	0	52	0	3	0	2	0	1	0	0	0
14	Betong	0	188	0	16	0	16	0	0	0	0	0
15	Mukah	0	48	0	1	0	1	0	0	0	0	0
16	Matu	0	5	0	1	0	1	0	0	0	0	0
17	Sarikei	0	92	0	6	0	6	0	0	0	0	0
18	Sarawak	0	26	0	0	0	0	0	0	0	0	0
19	Pusa	0	8	0	0	0	0	0	0	0	0	0
20	Kabong	0	3	0	0	0	0	0	0	0	0	0
21	Lubok Antu	0	21	0	0	0	0	0	0	0	0	0
22	Meradong	0	35	0	0	0	0	0	0	0	0	0
23	Julau	0	1	0	0	0	0	0	0	0	0	0
24	Pakan	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
25	Kanowit	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
26	Selangau	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
27	Tatau	0	8	0	0	0	0	0	0	0	0	0
28	Sebauh	0	2	0	0	0	0	0	0	0	0	0
29	Dalat	0	14	0	0	0	0	0	0	0	0	0
30	Daro	0	4	0	0	0	0	0	0	0	0	0
31	Kapit	0	34	0	0	0	0	0	0	0	0	0
32	Belaga	0	9	0	0	0	0	0	0	0	0	0
33	Song	0	4	0	0	0	0	0	0	0	0	0
34	Bukit Mabong	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
35	Marudi	0	13	0	0	0	0	0	0	0	0	0
36	Subis	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
37	Beluru	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
38	Telang Usan	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
<b>Jumlah</b>		<b>4</b>	<b>3,270</b>	<b>2</b>	<b>276</b>	<b>0</b>	<b>264</b>	<b>0</b>	<b>7</b>	<b>5</b>	<b>5</b>	<b>0</b>

<b>Jumlah Besar</b>	<b>6</b>	<b>9,760</b>	<b>3</b>	<b>716</b>	<b>0</b>	<b>682</b>	<b>0</b>	<b>19</b>	<b>15</b>	<b>15</b>	<b>4</b>
---------------------	----------	--------------	----------	------------	----------	------------	----------	-----------	-----------	-----------	----------

## 2. LAPORAN ANGKATAN PERTAHANAN AWAM (APM)

Pada hari ini, seramai **53 Person Under Surveillance** (PUS) telah mendaftar masuk di hotel untuk menjalani kuarantin, menjadikan jumlah keseluruhan PUS di **12 buah hotel** adalah seramai **966 orang**. Manakala seramai **24,782 PUS** telah tamat menjalani tempoh kurantin.

(Data sehingga 03.10.2020 @ 8.00 pagi)

BIL	BAHAGIAN	HOTEL	BILANGAN PUS
1	Kuching (547)	Hock Lee	95
2		Harbour View	231
3		Riverside (Astana Wing)	221
4	Miri (258)	Eastwood Valley	74
5		Meritz	124
6		Dynasty	60
7	Bintulu (12)	Motel Kapok	7
8		Faber Inn	5
9	Limbang (69)	Purnama	4
10		Shangshan (Lawas)	20
11		Mandarin (Lawas)	45
12	Sibu (80)	Premier	80
<b>Jumlah PUS</b>			<b>966</b>

### **3. LAPORAN JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT NEGERI SARAWAK (JBPM)**

Pada hari ini, sebanyak **2 lokasi di Sibu (1) dan Kuching (1)** operasi nyahcemar telah dilakukan dan menjadikan bilangan kumulatif di Sarawak adalah **1,689 lokasi** seperti berikut:

(Data sehingga 03.10.2020 @ 8.00 pagi)

<b>BIL</b>	<b>BAHAGIAN</b>	<b>OPERASI SEMASA</b>	<b>OPERASI TERKUMPUL</b>
<b>1</b>	<b>Kuching</b>	<b>1</b>	<b>531</b>
2	Miri	TIADA	303
<b>3</b>	<b>Sibu</b>	<b>1</b>	<b>171</b>
4	Samarahan	TIADA	119
5	Bintulu	TIADA	113
6	Sarikei	TIADA	110
7	Limbang	TIADA	80
8	Serian	TIADA	64
9	Betong	TIADA	54
10	Kapit	TIADA	49
11	Mukah	TIADA	48
12	Sri Aman	TIADA	45
<b>Jumlah Keseluruhan</b>			<b>1,689</b>

#### **4. LAPORAN KEMENTERIAN KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN SARAWAK**

Hari ini, sebanyak **41 lokasi** operasi nyahcemar telah dilakukan seperti berikut:

(Data sehingga 03.10.2020 @ 8.00 pagi)

<b>BIL</b>	<b>BAHAGIAN</b>	<b>LOKASI</b>
1	MP Padawan	1
2	MD Serian	3
3	MDSA	1
4	MP Sibu	9
5	MCC	13
6	MD Marudi	5
7	MD Limbang	2
8	MD Lawas	7
<b>Jumlah</b>		<b>41</b>